

# Evolusi Daesh, penubuhan ISI

**S**ELEPAS empat bulan kematian Abu Musab al-Zarqawi, pada 15 Oktober 2006, Al-Qaeda In Iraq (AQI) dan pelbagai kumpulan militan bawah Majlis Syura Mujahidin (MSM) mengumumkan penubuhan Negara Islam Iraq (Islamic State of Iraq @ ISI) dengan diketuai Abu Omar al-Baghdadi.

Bagi 'menghalalkan' legitimasi khalifah, ISI menekankan bahawa Abu Omar dikatakan berasal daripada keturunan kaum Quraisy. Kewujudan ISI merupakan satu perubahan besar di mana sebuah kumpulan pemberontak bertukar menjadi organisasi ketenteraan dan politik serta mula menjadi 'sebuah negara dalam buatan'.

Pada penghujung 2006, ISI mencapai kemantapan kewangan dengan memperoleh antara AS\$70 juta (RM301 juta) ke AS\$200 juta (RM860 juta) melalui pelbagai aktiviti penyeludupan minyak, wang tebusan dan peras ugut.

## ibrah

Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD HIZAM HANAFIAH** Sarjana Pelawat, The Wharton School, University of Pennsylvania, USA, Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Penulis buku "Bahaya ISIS (Daesh)"



Kemunculan ISI tidak disokong oleh majoriti komuniti Ahli Sunnah Wal Jamaah (Sunni) di Iraq. Pada awal 2007, komuniti Sunni membentuk Majlis Sahwa (Majlis Kebangkitan) untuk menentang ISI di wilayah kawalan Sunni di Iraq khususnya sekitar wilayah Anbar. Dengan bantuan dan sokongan pasukan bersekutu dan pasukan keselamatan Iraq, pejuang Majlis Sahwa yang lebih arif tentang

keadaan tempatan mampu melawan ISI.

Namun ISI tidak berdiam diri dan bertindak balas dengan menyerang komuniti Sunni lain dan puak Syiah. Keganasan ISI diteruskan pada 14 Ogos 2007 dengan melakukan empat serangan bom kereta di perkampungan Yazidi yang membunuh 800 orang selain berjaya membunuh pemimpin Majlis Sahwa, Sheikh Abdul Sattar al-Rishawi pada 13 September 2007.

## KELEMAHAN DAN KEBANGKITAN MILITAN

Kebangkitan Majlis Sahwa dan pejuang Sunni lain di Iraq menyaksikan ISI semakin lemah sehingga 2009. Namun begitu, Majlis Sahwa pula menjadi lemah kemudiannya kerana kehilangan sokongan pasukan bersekutu (yang meninggalkan Iraq) dan diskriminasi oleh kepimpinan Perdana Menteri

Iraq ketika itu, Nouri al-Maliki yang mengutamakan puak Syiah. Kelemahan Majlis Sahwa ini berjaya dieksploitasi oleh ISI dengan meningkatkan keyakinan dan merekrut militan tempatan untuk menyertai perjuangan mereka.

Pada awal 2008, ISI melakukan keputusan strategik memindahkan ibu pejabatnya ke utara Mosul, di mana ketegangan Arab-Kurdish boleh dieksploitasi. Antara Ogos-Disember 2009, ISI menjalankan tiga serangan besar-besaran ke atas Baghdad dan membunuh sekurang-kurangnya 382 orang. Pada masa sama, ISI meningkatkan hubungan dengan komuniti tempatan dan menambah baik sumber perisikan untuk berhadapan pasukan keselamatan Iraq. Pada awal 2010, ISI mula mengemas kini hierarki kepimpinan apabila 34 daripada 42 pegawai tertingginya terbunuh dalam beberapa siri pertempuran.

Pada 18 April 2010, Abu Omar al-Baghdadi dan Abu Ayyub al-Masri terbunuh dalam pertempuran dekat Tikrit. Seterusnya Abu Bakar al-Baghdadi diangkat sebagai khalifah ISI. Sebagaimana Abu Omar, Abu Bakar juga 'dikatakan berasal daripada keturunan kaum Quraisy' untuk mendapatkan legitimasi khalifah. ISI semakin berpengaruh pada pertengahan 2010 dan dikatakan mampu menawarkan gaji lebih tinggi daripada gaji kakitangan kerajaan Iraq dan menyebabkan ramai pejuang bawah Majlis Sahwa menyertainya. ISI kemudiannya meningkatkan penguasaan wilayahnya menjangkau utara Kurdistan, dan selatan Iraq.

Pada 15 Ogos 2011, ISI dikatakan melaksanakan 22 operasi pengeboman terancang

di Baghdad dan 12 lokasi lain di Iraq serta serangan besar-besaran secara terancang ini bertujuan untuk merendahkan moral pasukan keselamatan Iraq.

Mulai Julai 2012, ISI menjalankan serangan ke atas penjara untuk membebaskan pengikutnya. Pada September 2012, ISI menyerang Penjara Tikrit dan membebaskan 47 pemimpin kanannya yang menunggu hukuman mati. Pada Julai 2013, ISI menyerang Penjara Abu Gharib dan membolehkan 500 banduan melepaskan diri.

Ringkasnya sepanjang Julai 2013 - Julai 2014, ISI menjalankan lebih lapan serangan ke atas penjara. Dalam tempoh yang sama, ISI menjalankan operasi membunuh pasukan keselamatan, memberikan ancaman kepada komander tentera dan polis secara individu, mengebom rumah kediaman mereka, menyerang checkpoints tentera dan sebagainya.

## PENGAJARAN

■ Penggabungan kumpulan militan mampu membentuk sebuah kumpulan militan berpengaruh dan menjadi 'sebuah negara dalam buatan' (*geraja state nation*). Daesh menjadi satu kajian penting di mana bagaimana sebuah kumpulan militan 'berusaha menjadi sebuah negara'.

■ Ketidakstabilan sosial, ekonomi dan politik boleh menjerumuskan penduduk yang tiada pekerjaan tetap atau bergaji rendah ke dalam pasukan militan. Ini turut berlaku di selatan Filipina dan negara-negara di Afrika.

■ Kumpulan militan bijak mengeksploitasi keadaan semasa seperti konflik antara Sunni

Syiah-Arab-Kurdish, terajuan yang tidak berpengalaman mendedah dan kekangan musuh dalam meluaskan pengaruh serta wilayah.

■ Antara taktikal kumpulan militan yang berkesan di Iraq adalah menggunakan serangan Vehicle Borne Improvised Explosive Device (VBIED). VBIED ini dipandu oleh pengebom bunuh diri dan biasanya dipasangi di kedai-kedai yang tidak keuitan seperti kedai membaiki kenderaan, tangkapan dan kekuatan pengintipan serta perisikan pasukan keselamatan penting dalam mencegah serangan VBIED.

■ Kezalaman dan diskriminasi oleh Saddam Hussein selama berpuluh-puluh tahun sebelumnya merupakan antara faktor menyebabkan komuniti Syiah Iraq 'melakukan kembali' diskriminasi dan 'balas dendam' terhadap komuniti Sunni apabila mereka berkuasa. Konflik mazhab tidak akan selesai jika umat Islam tidak mahu melupakan kisah lalu dan melihat agenda masa depan yang lebih penting.

■ Kes-kes di Iraq menunjukkan penjara berfungsi sebagai pusat inkubator melahirkan militan baharu, bukannya memulihkan tahanan. Pemulihan militan memerlukan modul berbeza dengan tahanan lain.

■ Pemimpin politik seharusnya sedar bahawa campur tangan kuasa luar bakal mengakibatkan bencana yang lebih besar ke atas negara mereka kemudiannya. Seteruk mana pun krisis politik atau ekonomi dalam sesebuah negara, elakkan menjemput pihak luar untuk campur



SEORANG bapa bersama dengan anaknya berlari menyelamatkan diri dalam pertempuran antara tentera Iraq dan Daesh di perkampungan al-Rifa'i, barat Mosul, Iraq.



PEMANDANGAN penduduk meninggalkan kediaman masing-masing untuk menyelamatkan diri adalah perkara lumrah di Iraq.